



SOALAN-SOALAN LAZIM

'DuitNow QR' – AGRONet Mobile

NO.	SOALAN	JAWAPAN
1	Apakah 'DuitNow QR'?	'DuitNow QR' adalah transaksi tanpa tunai yang tersedia di AGRONet Mobile yang membolehkan pelanggan membuat pembayaran kepada peniaga-peniaga menggunakan kod respon pantas (QR).
2	Siapakah yang boleh menggunakan 'DuitNow QR'?	Semua pelanggan baru dan sedia ada Agrobank dapat menggunakan 'DuitNow QR' melalui AGRONet Mobile. Pelanggan perlu memastikan AGRONet Mobile dikemas kini ke versi terkini
3	Apakah fungsi-fungsi 'DuitNow QR' yang terdapat di dalam AGRONet Mobile?	<p>Pendaftaran 'DuitNow QR' Pelanggan hendaklah melakukan pendaftaran 'DuitNow QR' terlebih dahulu bagi boleh mengimbas kod QR</p> <p>Imbas kod QR Pengguna AGRONet Mobile diminta untuk mengimbas QR Code yang disediakan oleh peniaga untuk melakukan transaksi. Sumber pendebitan akaun bagi tujuan ini adalah melalui Akaun Giro/ Simpanan sahaja</p>
4	Di manakah 'DuitNow QR' boleh digunakan?	Para pelanggan boleh menggunakan 'DuitNow QR' di semua peniaga tempatan dan luar negara yang mengambil bahagian dengan penerimaan logo "DuitNow QR".
5	Berapakah had harian bagi penggunaan 'DuitNow QR' dan apakah ciri-ciri keselamatan yang ada?	Had harian maksimum untuk 'DuitNow QR' adalah RM1,000. Pelanggan boleh menetapkan had yang lebih rendah di AGRONet Mobile berdasarkan kesesuaian mereka. Nombor pin diperlukan untuk transaksi melebihi RM250. Nombor pin adalah nombor 6 digit yang ditetapkan semasa pendaftaran 'DuitNow QR'. Sekiranya pelanggan terlupa nombor Pin, percubaan maksimum adalah tiga kali dan pelanggan boleh menetapkan semula nombor Pin tersebut.
6	Bagaimanakah untuk meminda had 'DuitNow QR'?	<p>Langkah 1: Log masuk AGRONet Mobile</p> <p>Langkah 2: Klik 'DuitNow QR'</p> <p>Langkah 3: Klik "Manage 'DuitNow QR'"</p> <p>Langkah 4: Pilih akaun untuk pendebitan dan masukkan had yang diperlukan, klik "Next"</p> <p>Langkah 5: Masukkan Pin 6-digit yang ditetapkan semasa pendaftaran 'DuitNow QR'</p> <p>Langkah 6: Klik "Request TAC" dan masukkan nombor kod pengesahan transaksi (TAC) yang dihantar ke nombor telefon bimbit berdaftar pelanggan, klik "Confirm"</p> <p>Langkah 7: Pelanggan akan menerima notifikasi Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) setelah kemas kini berjaya.</p>

7	Adakah terdapat caj yang dikenakan ke atas para pelanggan bagi penggunaan 'DuitNow QR'?	Tiada caj yang dikenakan ke atas pelanggan bagi penggunaan 'DuitNow QR'.
8	Apakah jenis-jenis kod QR yang boleh diimbas?	<p>Terdapat dua jenis kod QR:</p> <p>Dynamic QR code Ia mempunyai perincian akaun peniaga dan jumlah transaksi telah ditetapkan ke dalamnya. Pelanggan hanya perlu mengimbas kod QR tanpa perlu memasukkan jumlah pembelian.</p> <p>Static QR Code Ia mempunyai butiran akaun peniaga. Pelanggan hendaklah memasukkan jumlah transaksi setelah mengimbas kod QR.</p>
9	Bagaimanakah pelanggan boleh menyemak status pembayaran menggunakan 'DuitNow QR'?	Setelah selesai suatu transaksi, status pembayaran menggunakan 'DuitNow QR' akan dipaparkan di skrin AGRONet Mobile pelanggan dan pelanggan juga akan menerima notifikasi melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS). Sebagai alternatif, pelanggan juga boleh melihat status pembayaran tersebut di sejarah transaksi.
10	Mengapakah transaksi 'DuitNow QR' ditolak?	<p>Transaksi mungkin ditolak disebabkan oleh:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Baki akaun pelanggan tidak mencukupi • Capaian internet yang lemah; atau • Perkhidmatan 'DuitNow QR' peniaga telah dinyahaktifkan
11	Apakah yang perlu dilakukan oleh pelanggan sekiranya dia telah menerima notifikasi bagi transaksi 'DuitNow QR' berjaya tetapi peniaga menyatakan tidak menerimanya.	Pelanggan boleh menunjukkan notifikasi tersebut kepada peniaga untuk pengesahan transaksi. Peniaga juga boleh menyemak sejarah transaksi mereka sendiri untuk pengesahan penerimaan pembayaran.
12	Apakah yang perlu pelanggan lakukan sekiranya tidak dapat melakukan sebarang transaksi melalui 'DuitNow QR'?	<p>Jika pelanggan berhadapan masalah dengan 'DuitNow QR', pelanggan boleh mencuba mana-mana antara kaedah-kaedah ini:</p> <p>Mulakan semula peranti Kebanyakan masalah dapat diselesaikan dengan mematikan dan menghidupkan semula peranti</p> <p>Periksa sambungan data Sambungan internet yang kuat (WiFi atau data mudah alih) diperlukan untuk menggunakan aplikasi AGRONet Mobile. Log masuk semula AGRONet Mobile apabila sambungan internet dalam kondisi yang baik</p> <p>Periksa ruang simpanan peranti Sekiranya ruang penyimpanannya rendah, sila nyahpasang aplikasi lain atau padam item seperti gambar atau video untuk mengosongkan ruang. Masalah juga boleh disebabkan oleh banyak aplikasi yang dibuka pada waktu yang sama. Tutup aplikasi yang tidak digunakan untuk meningkatkan ruang memori dan sumber</p> <p>Hapus cache dan data Kosongkan cache dan data di aplikasi "App Store" atau "Google Play Store" dan cuba muat turun AGRONet Mobile sekali lagi</p>

13	Bagaimanakah jika harga yang dipaparkan pada skrin AGRONet Mobile berbeza dengan apa yang telah dipersetujui oleh peniaga?	Sila sahkan dengan peniaga jika maklumat yang dipaparkan adalah tepat. Sekiranya terdapat perbezaan, minta peniaga menjana semula kod baru dan imbas kembali.
14	Apakah langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil sebelum meneruskan transaksi 'DuitNow QR'?	Pelanggan perlu memastikan perkara berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Semak jumlah yang perlu dibayar • Semak maklumat peniaga (nama perniagaan) sebelum meneruskan transaksi 'DuitNow QR'
15	Berapakah masa diambil untuk memproses 'DuitNow QR'?	Pembayaran/ pemindahan 'DuitNow QR' akan diproses dengan segera.
16	Apakah yang berlaku sekiranya jumlah yang dipindahkan untuk transaksi QR adalah salah kerana kesilapan peniaga atau juruwang atau pelanggan?	<p>Sekiranya pelanggan berada di premis peniaga, pelanggan boleh menyelesaikan terus pertikaian tersebut. Sebarang penyelesaian percanggahan adalah di antara pelanggan dan peniaga/ juruwang. Kedua-dua belah pihak hendaklah menyelesaikan perkara tersebut dengan baik dan dipersetujui oleh kedua belah pihak.</p> <p>Sekiranya siasatan lanjut diperlukan, sila hubungi Pusat Perhubungan kami di 1300882476 (Malaysia) atau +60320790600 (Luar Negara) atau e-mel ke customer@agrobank.com.my.</p>
17	Standard 'DuitNow QR' yang seharusnya dipaparkan oleh peniaga adalah sepertimana berikut.	
18	Adakah terdapat terma-terma dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh pelanggan berhubung penggunaan 'DuitNow QR' dan/atau aplikasi AGRONet Mobile?	Pelanggan hendaklah mematuhi terma-terma dan syarat-syarat bagi penggunaan 'DuitNow QR' sepertimana dinyatakan dan terdapat semasa pelanggan melakukan pendaftaran DuitNow QR melalui AGRONet Mobile.
19	Bagaimanakah pelanggan boleh mendapatkan maklumat lanjut berhubung 'DuitNow QR'?	Untuk maklumat lanjut atau pertanyaan berhubung 'DuitNow QR', pelanggan boleh menghubungi kami di 1300882476 (Malaysia) atau +60320790600 (Luar Negara) atau melayari laman sesawang kami di www.agrobank.com.my atau e-mel ke customer@agrobank.com.my .